



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 () 03/04

MENTERI PERTAHANAN TURUN PADANG MELIHAT SENDIRI STATUS PROJEK RUMAH KELUARGA ANGKATAN TENERA DAN POLIKLINIK PANGKALAN UDARA KUANTAN

1. **KUANTAN, 13 Mei 2024 – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin** telah mengadakan Lawatan Kerja ke Markas Angkatan Bersama (Mk AB), tapak pembinaan Poliklinik ATM, Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama Warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di No 10 Skuadron (No 10 Skn), Pangkalan Udara Kuantan, hari ini.
2. YB Menteri Pertahanan (YB MENHAN) dan delegasi mendengar taklimat operasi yang disampaikan oleh Ketua Staf Markas Angkatan Bersama, Mejar Jeneral Dato' Hj Fazal bin Abdul Rahman dan Pengarah Pusat Operasi Bersama, Kepten Mohammad Hasli bin Abu Hassan TLDM di Markas Angkatan Bersama, Kuantan.
3. YB MENHAN juga telah melaksanakan lawatan ke tapak Poliklinik ATM Kem Batu 10 yang dijangka siap sepenuhnya menjelang Julai 2025. Projek ini berjalan seperti yang dirancang dan dijangka bakal memberi manfaat dan faedah kepada seluruh warga ATM dan awam Kementerian Pertahanan serta keluarga yang bertugas di kawasan Kuantan.
4. Lawatan Kerja pada kali ini memberikan ruang kepada YB MENHAN untuk melihat dengan lebih dekat keadaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) pegawai dan anggota ATM yang bertugas di Kem Batu 10, Briged Ke-4 Infantri Malaysia (4 Briged Mekanise) dan Pangkalan Udara Kuantan (PU Kuantan) yang terletak di dalam kawasan rumpun yang sama.
5. Semasa lawatan, YB MENHAN telah meninjau kerja-kerja menaik taraf kediaman kelas G di PU Kuantan meliputi kerja-kerja menggabungkan dua (2) unit kediaman menjadi satu (1) unit dimana setiap unit tersebut akan dilengkapi 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Projek ini adalah bertujuan bagi menaiktaraf kediaman anggota TUDM dan keluarga agar mereka mendiami sebuah kediaman luas dan selesa melibatkan dua (2) buah blok RKAT melibatkan 24 unit kediaman bagi setiap blok di bawah kelolaan Unit Jabatan Kerja Raya (JKR) Tentera Pahang.

6. Program lawatan diteruskan dengan **Majlis Ramah Mesra YB MENHAN bersama warga ATM** di Hangar No 10 Skn, PU Kuantan. Semasa Majlis, YB MENHAN telah penyerahan *mock cheque* **Peruntukan Senggaraan Tahun 2024 yang bernilai RM 22,519,952.00** dengan pecahan kepada; (1) **RM3,065,602.00 - Markas Wilayah Laut 1**; (2) **RM7,414,350.00 - Markas 4 Briged (Mekanise)**; dan (3) **RM12,040,000.00 – PU Kuantan**. Melalui peruntukan ini, jelas menunjukkan bahawa Kementerian Pertahanan sentiasa cakna dan komited dalam usaha memelihara kebijakan dan kemaslahatan warga ATM di seluruh negara dan Kuantan khususnya.
7. Turut disempurnakan semasa majlis ini adalah **Sumbangan Pendidikan MADANI oleh Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLTAT) kepada 10 orang pelajar iaitu** anak-anak ATM Tahun 1 bagi sesi persekolahan Tahun 2024 yang menerima insentif berjumlah RM 50.00 secara *one-off* yang dikreditkan ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN Prime). Inisiatif murni ini akan memastikan anak-anak ATM memiliki akaun simpanan di PTPTN bagi memudahkan urusan pendidikan tinggi mereka pada masa hadapan.
8. YLTAT juga menyampaikan **bantuan kebijikan RM300.00** secara *one-off* kepada 50 orang anggota atau waris yang mengidap penyakit kronik. Sumbangan ini mencerminkan keprihatinan kementerian dalam usaha meringankan beban warganya dalam pengurusan kehidupan seharian.
9. Kementerian Pertahanan sentiasa menumpukan tekad kepada usaha besar merangkumi aspek kebijikan warga ATM kerana ia adalah nadi utama yang dititikberatkan dalam menjamin tahap kesejahteraan agar sentiasa terpelihara dan memiliki moral yang tinggi dengan kualiti hidup yang sejahtera.
10. Turut hadir dalam lawatan Menteri Pertahanan pada hari ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan); Dr. Mohd Bakhari bin Ismail, Panglima Angkatan Bersama; Lettenan Jeneral Dato' Noor Mohamad Akmar bin Mohd Dom TUDM, Panglima Wilayah Laut 1; Laksamana Muda Farizal Myeor dan Panglima Wilayah Udara 1; Mejar Jeneral Mahadzer bin Amin TUDM.serta Pegawai-pegawai Kanan ATM dan Awam Kementerian Pertahanan,

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
13 Mei 2024